

PENGETAHUAN KEPIMPINAN SINERGI KOLABORATIF DALAM KALANGAN KETUA PANITIA SAINS SEKOLAH KEBANGSAAN

Eizuan Mueizany Bin Abd Aziz
Asmah Binti Ahmad
wan2584@yahoo.com

Universiti Selangor (UNISEL), Bestari Jaya, Selangor

ABSTRAK

Pengetahuan kepemimpinan sinergi kolaboratif dalam kalangan ketua panitia sains di sekolah kebangsaan telah menggunakan rekabentuk kuantitatif secara diskriptif. Kerja kolaboratif bersinergi merupakan satu cara kerjasama yang perlu diamalkan di sekolah rendah untuk meningkatkan kemampuan guru dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seterusnya membantu melonjakkan pencapaian dalam pendidikan sains. Tujuan kajian deskriptif ini adalah mengenalpasti tahap pengetahuan kepemimpinan sinergi kolaboratif ketua panitia sains dan mengenalpasti tahap kemahiran pengurusan yang dimiliki dalam pengurusan panitia. Seramai 45 orang Ketua Panitia dari sekolah kebangsaan di daerah Klang telah dipilih sebagai responden kajian ini secara persampelan bertujuan. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diubahsuai daripada Mohd Anuar (2007) dan Zainorazlin (2001) serta Syek (2007) untuk memenuhi objektif kajian. Perisian Siegle Reliability Calculator telah digunakan untuk menganalisis data-data kajian Calculator. Dapatan kajian rintis di 20 buah sekolah kebangsaan menunjukkan tahap pengetahuan kepemimpinan sinergi kolaboratif dan tahap kemahiran pengurusan dalam Panitia Sains adalah tinggi dengan menghasilkan cronbach alpha .83 telah mengesahkan hal ini. Hasil dapatan kajian rintis ini, penyelidik telah mencadangkan beberapa langkah untuk meningkatkan dan menambahbaik instrument dan kaedah pengumpulan kajian kepemimpinan sinergi kolaboratif di sekolah.

Kata Kunci: *Kepimpinan, Sinergi Kolaboratif, Ketua Panitia, Sekolah Kebangsaan*

1.0 PENGENALAN

Dunia Pendidikan di Malaysia pada masa kini telah menghadapi cabaran global dan liberal dalam menguruskan sesebuah institusi pendidikan (Eizuan & Asmah, 2019; Ming 2006). Keberkesanan kepemimpinan dan pengurusan sesebuah sekolah juga dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor seperti budaya sekolah, komunikasi, menyelesaikan keputusan dan lain-lain lagi. Pemimpin instruksional juga perlu membina jaringan kolaboratif dalam kalangan guru besar, guru-guru, ibubapa, masyarakat sekitar dan menjalinkan kerja sama dengan sekolah-sekolah tempatan, dalam atau luar negara (PPPM, 2013 -2025).

Jaringan kolaboratif ini yang merupakan perkongsian tiga pihak atau tiga hala dikenali sebagai sinergi kolaboratif manakala kepemimpinan pula memberi maksud suatu kemampuan memimpin atau mengurus (Eizuan & Asmah, 2019). Gabungan kedua-dua perkataan ini dapat didefinisikan sebagai daya kepemimpinan bagi menjalinkan perkongsian dan kerjasama tiga hala atau tiga pihak atas matlamat untuk mencapai visi dan misi yang sama.

Kajian ini akan mengukur tahap pengetahuan kepemimpinan sinergi kolaboratif merangkumi program kerjasama yang dilaksanakan oleh sekolah-sekolah yang terlibat yang mencakupi perancangan, instruksional, pemantauan dan penilaian/pentaksiran. Pengetahuan kepemimpinan sinergi kolaboratif sedia ada boleh diterjemahkan melalui pemerhatian hubungan interaksi guru besar bersama sama guru dalam aktiviti yang sebenar di sekolah iaitu mesyuarat yang dirancang, mesyuarat yang tidak dirancang dan sebagainya yang berkaitan amalan kepemimpinan kolaboratif serta peranan pemimpin instruksional (Azlin dan Roselan, 2007; Rubin, 2009). Kenyataan ini diperkuatkan oleh Spillaine (2006) yang menerangkan bahawa amalan kepemimpinan pemimpin instruksional adalah merujuk kepada tindakan pemimpin itu sendiri. Justeru, penyelidik ingin memahami bagaimana pengetahuan sedia ada pemimpin instruksional seperti ketua panitia sains dalam amalan kepemimpinan kolaboratif ini dilaksanakan untuk membantu melestarikan pendidikan sains.

Sehubungan dengan itu, kelestarian pendidikan sains telah ditetapkan melalui pengubalan kurikulum Sains yang seiring dengan saranan dan keperluan Timss ini. Oleh sebab itu, satu cabaran yang berat dan harus dipikul bersama oleh semua pihak terutama pemimpin instruksional untuk meningkatkan pencapaian pendidikan Sains sekolah kebangsaan. Ini termasuklah ibubapa dan pihak berkepentingan seperti Pusat Pendidikan Guru dan pihak swasta.

Selain itu, pengajaran sekolah rendah adalah suatu proses yang sangat kompleks dan mencabar kerana melibatkan beberapa elemen iaitu intelektual, interpersonal dan spiritual (Richard, 2010). Justeru, kepemimpinan sekolah rendah juga perlu mahir dalam pengajaran sekolah rendah melalui cara dan strategi pengajaran yang berbeza dari satu kelas ke satu kelas yang lain untuk memenuhi keperluan murid-murid dalam setiap kelas yang unik dan berbeza.

Disamping itu, keberkesanan suatu pembelajaran telah dijelaskan oleh Reynolds dan Muijs (2016) adalah bergantung kepada penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pemimpin instruksional iaitu jangkaan positif terhadap kebolehan murid-murid, bilik darjah yang berstruktur dan sistematik, memberi penekanan kepada murid-murid terhadap kepentingan pencapaian akademik terutamanya bagi mata pelajaran sains, pengurusan masa yang baik, menetapkan matlamat sesuatu pelajaran yang diajar, mempunyai pelbagai strategi pengajaran, kaedah penyoalan yang berkesan dan memberi sokongan padu kepada murid-murid dan menyediakan suasana pembelajaran yang selesa di bilik darjah.

Sehubungan itu, Ketua Panitia Mata Pelajaran selaku pemimpin instruksional dan pengurus pertengahan perlu memahami matlamat kepemimpinan supaya dapat mengenali, memahami dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pengurus dan pemimpin kurikulum di sekolah dengan lebih berkesan. Mereka juga perlu peka dan memahami bahawa kepemimpinan merupakan satu proses saling mempengaruhi antara individu melalui tingkah laku seseorang untuk mendorong mereka bekerja untuk mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan (Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM, 2001). Hal ini sama dengan kenyataan Shafila (2008) bahawa pengurusan sesuatu organisasi pendidikan mestilah mengikut hala tuju yang telah digariskan oleh setiap institusi itu.

Oleh itu, aspek mengenalpasti pengetahuan kepemimpinan kolaboratif secara bersinergi dalam kalangan pemimpin instruksional di sekolah rendah perlu dilihat sebagai fokus utama bagi membantu meningkatkan profesionalisma dalam kalangan ketua panitia sains yang merupakan pemimpin kurikulum kelas pertengahan di sekolah kebangsaan.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilaksanakan dengan merujuk beberapa hasil dapatan kajian lepas yang telah menunjukkan bahawa peranan kepemimpinan kolaboratif dan kepekaan masyarakat

sekeliling sangat diperlukan dalam menjalinkan hubungan yang kompleks di sekolah untuk mewujudkan peningkatan keberhasilan di sekolah (Mohd Salleh Mahat, 2004). Perkongsian pintar adalah satu mekanisma yang bersifat sinergi kepada semua pihak yang terlibat kerana penambahbaikan sekolah dan kemajuan komuniti adalah saling bergantung antara satu sama lain. Hal ini kerana perkongsian dalam kalangan masyarakat sekitar sekolah ialah untuk keperluan sekolah iaitu memfokuskan ke arah jaminan terhadap keperluan sumber, peningkatan bilangan murid dan kewangan sekolah tetapi masih kurang memberikan tumpuan kepada peluang peningkatan dalam pembelajaran terutamanya dalam mata pelajaran sains (Bush, 2009; Lumby, 2009).

Walau bagaimanapun, kajian sedia ada lebih menumpukan perkaitan kepemimpinan kolaboratif dengan faktor perhubungan guru, faktor budaya dan faktor kerja berpasukan (Shek, 2007) di sesebuah sekolah dan masih terdapat kelompongan kajian yang berkaitan dengan kajian pengetahuan kepemimpinan kolaboratif dalam kalangan pemimpin instruksional seperti ketua panitia, sekolah dan mata pelajaran sains. Kebanyakan kajian kepemimpinan yang diselidiki oleh penyelidik pada masa sekarang lebih membincangkan berkaitan dengan peranan pengetua sekolah atau guru besar selaku pemimpin instruksional sedangkan keperluan sebenar yang ditemui ialah kaedah bagaimana pengagihan kepemimpinan yang merupakan faktor pendorong ke arah penambahbaikan prestasi sekolah (Day dan Sammons, 2013). Spillane dan Harris serta lain-lain selaku pengkaji kepemimpinan distributif terdahulu telah membuat kajian yang memberi perhatian kepada perkongsian kepemimpinan antara guru besar dan ketua panitia, guru-guru dan ibubapa ataupun masyarakat setempat. Justeru, kerja berpasukan menjadi perkara biasa dalam penulisan kajian ilmiah pengurusan tetapi sebenarnya suasana persekolahan tidak membina organisasi berasaskan pasukan disebabkan faktor struktur organisasi dan corak kerjaya pendidikan yang berbentuk hieraki (Mohd Najib dan Beng, 2011). Hal ini telah memberi sebab yang kukuh kepada penyelidik bahawa kajian seumpama ini merupakan satu keperluan dan wajar dilaksanakan untuk merapatkan jurang pengetahuan dalam bidang ini dan seterusnya menutup kelompongan kajian sedia ada.

Selanjutnya, kajian perkembangan profesional guru sains masih sederhana dan guru-guru sains masih lagi kurang aktif dalam memainkan peranan untuk meningkatkan minat murid melalui program sains (Kubily dan Ozden, 2012). Mohamed Najib dan Beng (2011) turut menyatakan bahawa pihak pentadbiran sekolah telah biasa mengamalkan kerja berpasukan tapi masih ramai guru selesa dengan cara kerja mereka sedia ada. Hal ini akan membantutkan usaha untuk mewujudkan budaya kolaboratif dan perkongsian sesama guru-guru sains.

Beberapa langkah dan usaha dirangka untuk meningkatkan profesionalisma dan kompetensi guru sains melalui peranan aktif oleh ketua panitia secara kaedah sinergi kolaboratif dengan pelbagai pihak dan tidak hanya menumpukan kepada pentadbir sekolah dan guru sains dalam panitia tetapi juga termasuklah ketua ketua panitia sains sekolah lain di daerah yang sama ataupun membuat jaringan hubungan dengan pihak swasta setempat dan masyarakat sekeliling untuk membantu guru-guru sains melalui sinergi pintar. Perkongsian idea dan kepakaran untuk meningkatkan prestasi sekolah dapat diwujudkan dalam kalangan sekolah yang berada berhampiran atau berkelompok supaya dapat menghasilkan tahap pemikiran yang kreatif dalam kalangan guru sains.

Namun begitu, tiada kajian dibuat terhadap pengetahuan kolaboratif antara ketua-ketua panitia sains sekolah persekitaran ataupun berkelompok. Kekurangan data empirikal yang berkaitan dengan pengetahuan kepemimpinan kolaboratif dalam kalangan ketua-ketua panitia sains telah mendorong penyelidik untuk menjalankan penyelidikan secara kuantitatif bagi mengkaji tahap pengetahuan kepemimpinan kolaboratif ini.

Kajian-kajian terdahulu sekadar memfokuskan kajian pengurusan kolaboratif terhadap pengurusan kualiti menyeluruh, keberkesanan sekolah dan juga kemajuan sekolah (Shek, 2007). Tambahan pula, kajian sedia ada hanya menumpukan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan kolaboratif manakala kajian Mohamed Najib dan Beng (2011) pula membincangkan berkaitan dengan kepuasan kerja pemimpin instruksional secara umum, tidak spesifik kepada ketua panitia dan mata pelajaran sains.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dalam kepemimpinan ketua panitia terutamanya dalam mengadakan jalinan tiga hala atau sinergi kolaboratif antara pentadbir dan guru sains sekolah dengan yang berada dalam persekitaran yang sama serta perkongsian dengan pihak luar (swasta) bagi mewujudkan kerjasama yang dapat memberikan dampak yang positif terhadap sekolah masing-masing terutama dalam meningkatkan profesionalisma guru sains dan kualiti pdpc guru dalam kelas.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti:

- (i) Hubungan tahap pengetahuan kepimpinan sinergi kolaboratif ketua panitia sains dengan kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains.
- (ii) Hubungan kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains dengan profesionalisma guru sains dalam pdpc matapelajaran sains.

1.3 Soalan Kajian

- (i) Bagaimanakah hubungan tahap pengetahuan kepimpinan sinergi kolaboratif ketua panitia sains dengan kemahiran pengurusan dalam kalangan ketua panitia sains?
- (ii) Bagaimanakah kemahiran pengurusan dalam kalangan ketua panitia sains dengan profesionalisma guru sains dalam pdpc matapelajaran sains?

1.4 Hipotesis kajian

Ho 1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan kepimpinan sinergi kolaboratif ketua panitia sains dengan kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains.

Ho 2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains dengan profesionalisma guru sains dalam pdpc matapelajaran sains.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Program pendidikan rendah yang disediakan di Malaysia terdiri daripada dua tahap iaitu Tahap Satu (Tahun Satu, Dua dan Tiga) dan Tahap Dua (Tahun Empat, Lima dan Enam). Pada dasarnya, pendidikan rendah disediakan kepada murid yang berumur antara 7 hingga 12 tahun adalah untuk menyediakan asas yang kukuh dalam kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul (4M); pengenalan kepada konsep asas sains; kemahiran pravokasional; kemahiran generik serta penerapan nilai-nilai murni (Dasar Pendidikan Kebangsaan, KPM, 2012a) dan matlamat pendidikan rendah adalah mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendidikan rendah juga menjadi asas kepada pembangunan dan pengembangan domain kognitif, afektif dan psikomotor murid yang selari dengan FPK (KPM, 2012b).

Selanjutnya, pendidikan sains di sekolah rendah adalah mengikut dua tahap iaitu Tahap Satu yang menumpukan kepada proses membina kefahaman, kemahiran dan aplikasi asas sains, manakala Tahap Dua pula bertujuan mengukuhkan kefahaman dan kemahiran

proses sains dalam kalangan murid supaya dapat mengaplikasikan konsep sains yang telah dipelajari ke dalam kehidupan seharian secara berkesan (Semakan KSSR Tahun Tiga, KPM, 2018) . Menurut Sufean (2008) peringkat sekolah rendah ini adalah mementingkan pengetahuan sains bagi menyelesaikan masalah serta berfikir mengikut langkah yang logik dan betul. Justeru, kepelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik minat murid boleh digunakan oleh guru bagi menambah ilmu pengetahuan Sains secara lebih kreatif. Tambahan pula, di peringkat ini juga murid perlu digalakkan membuat penerokaan sendiri melalui pengalaman dan pengetahuan yang dicetuskan oleh guru.

Seterusnya, pemimpin instruksional juga merupakan seorang yang mahir dalam pengajaran bilik darjah. Oleh itu, untuk menjadi seorang pemimpin instruksional yang berkesan, mereka yang telah dilantik ini perlu mengetahui peranan mereka sebagai pemimpin instruksional dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang PdP dalam bilik darjah. Selain itu, pemimpin instruksional juga perlu menjalinkan aktiviti kerjasama dengan pemimpin instruksional yang lain bagi membolehkan perkongsian idea dijanakan dalam proses melestarikan pendidikan sains sekolah rendah. Menurut Norazlinda dan Surendran (2016) amalan autonomi guru dan kolaboratif berupaya mendorong peningkatan komitmen guru dan kepercayaan guru terhadap guru besar sekolah. Kenyataan ini juga selari dengan kenyataan Lokman dan Muzammil (2008) yang menerangkan bahawa apabila kerjasama dan kolaboratif wujud antara guru dan ketua panitia akan dapat menaikkan pertanggungjawapan guru dan seterusnya dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada sekolah. Kedua-dua kenyataan ini dapat memberikan motivasi kepada guru besar menghadapi cabaran dan perubahan yang menuntut daya kreativiti dan daya ketahanan yang tinggi kerana mereka memikul tugas dan tanggungjawab yang sangat kompleks untuk mencapai matlamat pendidikan Malaysia.

Selanjutnya, kemahiran pengurusan dan kepimpinan sekolah penting bagi menghasilkan pemimpin pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Menurut Abdul Ghani et.al (2010), kepemimpinan didefinisikan sebagai pengaruh kepada pengikutnya yang boleh membawa perubahan bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi sekolah iaitu perkembangan dan prestasi sekolah. Apa yang dinyatakan oleh Abdul Ghani e.al (2010) selari dengan Spillane (2006) iaitu aktiviti-aktiviti kepemimpinan seperti penyeliaan, mempengerusikan mesyuarat, pentadbiran dan pengurusan sekolah merupakan proses interaksi yang menjadi pemangkin dalam mempengaruhi seseorang atau sekumpulan dalam sesuatu organisasi (Spillane, 2006). Ini adalah kerana cara kepemimpinan kolaboratif adalah kepemimpinan mengikut keadaan dan ini seiring dengan kepemimpinan distributif yang dinyatakan oleh Spillane (2006) dan Harris (2015) yang turut menerangkan bahawa kepemimpinan distributif adalah berkaitan dengan kolaboratif sesebuah organisasi.

Selain itu, Spillane dan Healey (2010) dan Fullan (2012) juga mencadangkan bahawa lebih banyak penyelidikan berkaitan kajian distributif perlu dilaksanakan yang memfokuskan tentang peranan pemimpin instruksional supaya kepimpinan distributif dapat difahami dan seterusnya meningkatkan keberhasilan sekolah. Peranan yang perlu dimainkan oleh pemimpin instruksional seperti guru besar dan ketua panitia telah dijelaskan oleh Fullan (2012) dengan menyatakan bahawa sokongan oleh pemimpin instruksional kepada usaha guru-guru untuk melaksanakan kerjasama dengan rakan sejawat dari sekolah lain amat penting untuk mencapai keberhasilan dan objektif sekolah. Hal ini turut disokong oleh Freedman dan Cecco (2013) dalam kajian mereka yang menunjukkan bahawa kepemimpinan dapat mempengaruhi pembelajaran murid-murid di sekolah berserta dengan sikap saling percaya mempercayai dalam kalangan warga sekolah.

Seterusnya, pemimpin instruksional (guru besar dan ketua panitia) juga perlu bersedia menghadapi cabaran dalam membuat sebarang perubahan penambahbaikan dan bersifat jiwa besar (Ramaiah, 2009). Ini selari dengan langkah pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan iaitu meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dan rangkaian sekolah iaitu

jaringan murid di peringkat antarabangsa (KPM, 2012). Justeru, isu ini harus dilihat dari perspektif proses membina pengetahuan kepimpinan dan bukan lagi dari sudut tingkah laku dan sikap guru besar dan mana mana pemimpin instruksional yang lain seperti ketua panitia seperti dapatan kajian terdahulu. Menurut Abdul Ghani et.al (2010), kepercayaan bahawa ciri kepimpinan adalah suatu bakat dan warisan harus disemak semula kerana kepimpinan adalah sebagai satu proses yang boleh dipelajari oleh setiap individu.

Oleh itu, semua pernyataan dan asas yang telah dibangkitkan oleh penyelidik ini dapat dijadikan sandaran untuk proses mengukur tahap pengetahuan kepimpinan kolaboratif dalam kalangan ketua panitia sains di sekolah rendah dan seterusnya dapat menilai kemahiran mengurus mereka bagi meningkatkan profesionalisma guru sains secara sinergi kolaboratif dalam pdpc matapelajaran sains.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik secara rekabentuk diskriptif. Kaedah ini memudahkan penyelidik mengumpul maklumat berkaitan tahap pengetahuan kepimpinan sinergi kolaboratif dan kemahiran pengurusan dalam kalangan ketua panitia sains terhadap profesionalisma guru sains dalam pdpc matapelajaran sains. Kaedah penyelidikan diskriptif dapat menjelaskan persoalan berkaitan dengan status semasa yang berkaitan dengan bidang yang dikaji berdasarkan fenomena yang sudah wujud (Creswell, 2009).

Instrumen soal selidik mengandungi tiga bahagian;

- i) Bahagian 1: Latar Belakang responden
- ii) Bahagian 2: Sekolah sebagai organisasi kerja berkesan

Bahagian 1 mengandungi latar belakang responden dari segi usia, jantina, taraf perkahwinan, kelulusan akademik dan iktisas, opsyen pengajaran, pengalaman kerja dan penglibatan guru dari segi kurikulum dan ko-kurikulum. Jumlah soalan yang terdapat dalam bahagian 1 ialah 10 soalan. Responden hanya perlu menanda dengan (/) sahaja pada ruangan yang disediakan.

Manakala, bahagian 2 mengandungi 35 soalan berskala likert berkaitan sekolah sebagai organisasi berkesan. Penyelidik memasukkan 7 elemen ke dalam soalan soal selidik pada bahagian ini iaitu elemen kepimpinan, matlamat, komunikasi, penglibatan bersama, penyelesaian masalah, tanggungjawab dan hubungan kekitaan.

Keputusan kajian ini akan dianalisa secara diskriptif bagi bahagian 1 iaitu min, median, mod dan peratus. Manakala bahagian 2 penyelidik akan menganalisa ujian-t yang akan menggunakan Perisian "Siegle Reliability Calculator" dalam aplikasi Microsoft Excell. Dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk membuat perbandingan dua min pemboleh ubah bebas sama ada mempunyai perbezaan yang signifikan secara statistik atau tidak.

Ujian-t juga digunakan untuk menguji hipotesis 1 dan 2 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.1, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan kepimpinan sinergi kolaboratif ketua panitia sains dengan kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains., dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains dengan profesionalisma guru sains dalam pdpc matapelajaran sains.

Jadual 3.1: Hipotesis dan ujian t.

Symbol	Keterangan Hipotesis	Nilai Ujian t
--------	----------------------	---------------

Ho 1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan kepimpinan sinergi kolaboratif ketua panitia sains dengan kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains.	$p \leq 0.05$
Ho 2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran pengurusan dikalangan ketua panitia sains dengan profesionalisma guru sains dalam pdpc matapelajaran sains.	$p \leq 0.05$

Sampel adalah jenis persampelan bertujuan dan lokasi kajian sebenar akan dijalankan di daerah Klang Selangor yang akan melibatkan semua ketua panitia sains di sekolah kebangsaan iaitu sebanyak 45 orang mengikut persampelan yang dicadangkan oleh Cohen (1988) dengan mengambil kira saiz kesan (effect size), ralat persampelan dan aras signifikan kajian. Berdasarkan konteks kajian ini, aras keyakinan yang digunakan ialah pada kadar 95% dengan ralat persampelan 1.0%.

Sebelum melaksanakan kajian sebenar, terlebih dahulu penyelidik telah menjalankan kajian rintis sebanyak 2 kali terhadap instrumen soal-selidik yang melibatkan sebanyak 20 buah sekolah kebangsaan dengan tujuan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahihan pada instrumen soal selidik. Kebolehpercayaan merupakan satu tanda ukur yang menunjukkan konsistensi di antara dua pengukuran terhadap perkara yang sama untuk membuktikan kewujudan varians daripada sampel yang diukur dan skor dari sesuatu instrumen adalah stabil dan konsisten setelah instrumen yang sama ditadbir berulang kali pada masa yang berlainan (Creswell, 2009).

Kebolehpercayaan yang tinggi menunjukkan kesilapan varians yang minima dalam pengukuran manakala kebolehpercayaan yang rendah boleh menghasilkan kesilapan yang besar dalam pengukuran kerana ujian statistik tidak dapat mengesan perbezaan yang sebenar apabila wujud perbezaan. Semakin tinggi tahap kebolehpercayaan, semakin tinggi tahap keyakinan terhadap instrumen yang akan diuji. Nilai koefisien kebolehpercayaan dikira untuk menentukan kualiti keseluruhan ujian terhadap instrumen. Ujian 'Cronbach's coefficient alpha' digunakan untuk menganalisis data kajian rintis bagi menganggarkan kebolehpercayaan bagi setiap komponen soalan dalam soal-selidik.

4.0 DAPATAN RINTIS

Jadual 4.1: Analisis Soalan Soal Selidik Menggunakan Ujian Cronbach Alpha

Bahagian Instrumen	Elemen	Bilangan Item Asal	Bilangan item dibaiki	Alpha Rintis 1	Alpha Rintis 2
Bahagian 2: Sekolah sebagai organisasi berkesan	Pengetahuan Kepimpinan	35	5	0.79	0.86
	Matlamat				
	Komunikasi				
	Penglibatan Bersama				
	Penyelesaian Masalah				
	Tanggungjawab Hubungan Kekitaan				

Berdasarkan Jadual 4.1, pengiraan Cronbach alpha digunakan untuk menghasilkan koefisien kebolehpercayaan bagi menentukan tahap kekonsistenan dalaman bagi instrumen kajian. Setelah kajian rintis 1 dijalankan, nilai koefisien alpha untuk soal-selidik pada Bahagian 2 tentang elemen sekolah sebagai organisasi berkesan adalah sebanyak 0.79.

Manakala kajian rintis 2, nilai koefisien alpha untuk soal-selidik pada Bahagian 2 tentang elemen sekolah sebagai organisasi berkesan adalah sebanyak 0.86. Purata nilai cronbach alpha dalam kajian rintis ini ialah 0.83.

5.0 PERBINCANGAN

Kajian rintis peringkat pertama dijalankan pada bulan Februari tahun 2019 di 20 buah sekolah kebangsaan di daerah Klang di negeri Selangor. Tujuan kajian rintis 1 ialah mengenalpasti masalah dari segi bahasa dan pemahaman isi kandungan instrumen. Responden kajian diminta untuk menyatakan sebarang kesukaran dari soal selidik yang dijawab untuk memastikan soal selidik yang sah telah ditadbirkan. Seterusnya, penyelidik duduk bersama-sama dengan guru-guru pakar dan jurulatih utama (JU) Bahasa Melayu untuk mengenalpasti masalah yang terdapat pada item instrumen dari segi bahasa dan pemahaman isi kandungan instrumen. Selain itu, ia bertujuan untuk memastikan item-item dalam soal-selidik tidak mengandungi elemen yang sensitif kepada mana-mana pihak yang terlibat. Selanjutnya, adalah untuk mengenalpasti tempoh masa yang diperlukan oleh responden kajian untuk melengkapkan borang soal-selidik dan masa yang diambil oleh responden kajian adalah dalam lingkungan 30 minit. Ini bermakna instrumen tersebut dapat diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Kebaikan daripada pentadbiran instrumen dalam tahap kajian rintis 1, beberapa item yang mempunyai maksud konsep yang tidak jelas telah dibaiki dari segi laras bahasa dan semantik dari segi kesalahan ejaan dan struktur ayat dalam instrumen kajian.

Setelah penyemakan setiap item instrumen dilaksanakan, kajian rintis 2 dijalankan pada bulan April tahun 2019 yang melibatkan 20 orang ketua panitia sains di 20 buah sekolah kebangsaan daerah Klang di negeri Selangor. Tujuan kajian rintis 2 ialah sebagai satu cara semak dan imbang untuk memastikan item-item dalam soal-selidik ini dapat mencapai kebolehpercayaan yang terbaik sebelum memulakan kajian sebenar. Penyelidik masih lagi menimbangkan maklumbalas dan cadangan berkaitan dengan item yang terdapat dalam instrumen oleh responden yang terlibat jika ada.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini penting untuk diteruskan ke peringkat kajian sebenar untuk mengisi kelompangan kajian sedia ada dan menambah empirikal data yang berkaitan dengan kajian kepimpinan kolaboratif.

Dapatan rintis telah membuktikan set instrumen yang bakal dilaksanakan ke peringkat kajian sebenar nanti memiliki nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai cronbach alpha 0.83. Penyelidik juga telah menimbangkan segala komen dan telah menambahbaik instrumen kajian supaya data yang bakal dikutip akan menepati objektif kajian, menjawab persoalan kajian dan dapat menolak atau mengesahkan hipotesis kajian secara lebih tepat.

7.0 RUJUKAN

Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman Abd Aziz & Mohamed Zohir Ahmad (2010). *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.

- Azlin Norhaini Mansor dan Roselan Baki (2007). *Amalan Pengurusan Pengetua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (2016). *Laporan TIMSS 2015*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018). *Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun Tiga*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bush, T. (2009). *Partnerships and Collaboration in Educational Leadership*. Educational Management Administration & Leadership. London, Los Angeles, New Delhi, Singapore and Washington DC : Sage Publications.
- Cohen, J.(1988). *Statistical power analysis for the behavioural sciences*.2nd Edition. Hillsdale,NJ:Lawrence Erlbaum Associates Publishers
- Creswell, J. W.2009. *Research Design: Qualitative,Quantitative and Mixed Methods Approach*. 3rd Edition. Sage Publication.
- Day, C. & Sammons, P. (2013). *Successful Leadership: a review of the international literature*. CfBT Education Trust. Reading, UK.
- Eizuan Mueizany Abd Aziz dan Asmah Ahmad (2019). *Keberkesanan Kepimnpnan Sinergi Kolaboratif dalam Medium Bahasa Melayu Terhadap Pencapaian Pendidikan Sains*. Buku Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kali Ke 2.Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Freedman, B. & Cecco , R.D. (2013). *Collaborative School Reviews: How to Shape Schools from the Inside*. Corwin, United States of America.
- Fullan, M. (2012). *The Principal: Maximizing Impact* . Teachers College Press. Jossey- Bass.
- Hashim Musa dan Halimah Pondo (2012).*Isu Sociolinguistik di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah (2011). Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM (2012). *Dasar Pembangunan Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia,
- KPM (2012a). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia,
- KPM (2012b). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia,
- KPM (2013) . *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 - 2025)*. PADU, Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM (2013a). *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2013* . Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Putrajaya, Malaysia.
- Kubilay.K & Ozden.T.(2012). *Challenge for Science Education*. Procedia Social and Behavioral Sciences.
- Laporan Tahunan 2015, KPM (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Lokman Mohd Tahir & M.Muzammil Yassin (2008). *Impak Psikologi Guru Hasil Kepemimpinan Pengetua*. Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia.
- Lumby, J. (2009). *Collective Leadership of Local School Systems: Power, Autonomy and Ethics*. Educational Management Administration & Leadership, 37(3), pp.310 - 328. London, Los Angeles, New Delhi, Singapore and Washington DC: Sage Publications.
- Ming, D.C. (2006). *Cabaran Memperkembang Bahasa Melayu Dalam Era Teknologi Maklumat*. Berita Harian. Rabu 17 Mei 2006.
- Mohamed Najib Abdul Ghaffar dan Beng T.S. (2011). *Kajian Antara Kepimpinan Kerja Berpasukan Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Ketua Panitia di Daerah Kluang*. Journal of Educational Management Volume 1.

- Mohd.Aris Anis & Ahmad Esa. (2012). Fungsi dan Peranan Komunikasi Berimplikatur dalam Budaya Masyarakat Melayu Islam. World Conference Islamic Thought. Ipoh, Malaysia
- Mohd Anuar Abdul Rahman (2007). Keberkesanan Dan Kepimpinan Kerja Berpasukan Peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Bin Mahat (2004). Perkongsian dalam Pendidikan: Fokus di Sekolah. Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Batu Lintang. Sarawak.
- Nik Safiah Karim.(2004). Bahasa Melayu Sedekad Lalu: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlinda Saad & Surendran Sankaran (2016). Galakan Pengetua Dalam Membuat Keputusan Dengan Komitmen Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Berpencapaian Rendah. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Universiti Malaya.
- Ramaiah A.L. (2009). Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini. Edisi ke 3. Kuala Lumpur : IBS Buku Sdn.Bhd.
- Reiser, B.J., Spillane, J.P. & Steinmuller, F. (2000). Investigating the mutual Adaptation Process in Teachers' Design of Technology-Infused Curricula. Fourth International Conference of the Learning Science. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Richards, C.(2010). Learning to Teach in the Primary School. London and New York. Routledge Taylor and Francis Group.
- Robertson, J. (2009). Coaching Educational Leadership Through Partnership. The London Centre for Leadership in Learning. Institute of Education, University of London
- Reynolds, D. & Muijs, D. (2016). Leading Effective Pedagogy. Dalam Harris, A. & Jones, M.S. (Eds). Leading Futures: Global Perspectives on Educational Leadership. London: Sage.
- Rubin, H. (2009). Collaborative Leadership: Developing Effective Partnerships for Communities and Schools (2nd ed.). California. Corwin Press, American Association of School Administrators, The Institute for Collaborative Leadership.
- Rubin, H.J. & Rubin, I.S.(2012). Qualitative Interviewing : The Art of Hearing Data (3rd Ed.). Thousand Oaks, California. Sage Publications, Inc.
- Shek K.F.(2007). Keberkesanan Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia dalam Jabatan Bahasa dan Sains Sosial di Sekolah Menengah Daerah Pontian. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sufean Hussin (2008). Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah (Edisi ke 2). Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.
- Spillane, J. P. (2006). Distributed Leadership. San Francisco: Jossey-Bass.
- Spillane, J.P. & Healey, K. (2010). Conceptualizing School Leadership and Management From A Distributed Perspective: An Exploration of Some Study Operations and Measures. The Elementary School Journal. University Chicago Press. USA.
- Zainorazlin Binti Md. Nor (2001). Pengaruh Kerja Berpasukan Kepada Kejeleketan, Kepuasan dan Prestasi Pekerja dalam Organisasi. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia

